

## **ABSTRAK**

Tesis ini merupakan satu kajian terhadap “Penyediaan dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Universiti”. Namun, kajian ini tidak dijalankan secara menyeluruh tetapi hanya dibataskan kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terdiri dari pelbagai bidang aliran dan pelbagai etnik dan agama yang mana mereka tidak mempunyai asas bahasa Arab. Modul ini dihasilkan oleh pengkaji setelah mengumpul dan memperoleh maklumat-maklumat melalui soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar UMS tentang minat dan kemahuan pelajar mempelajari bahasa Arab, keperluan mempelajari bahasa Arab, kandungan modul serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab.

Kajian ini menggabungkan antara kajian perpustakaan dan kajian lapangan iaitu melakukan penyelidikan terhadap bahan-bahan rujukan yang berkaitan kaedah-kaedah penyediaan modul asas pengajaran bahasa Arab di perpustakaan dan menjalankan dua tinjauan menerusi soal selidik, kerana kajian ini memerlukan eksperimentasi. Tinjauan pertama bertujuan untuk mengumpul data tentang tahap pemahaman dan masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari bahasa Arab serta keperluan penyediaan modul asas bahasa Arab untuk pelajar-pelajar UMS. Soal selidik yang kedua pula diedarkan kepada responden setelah proses pengajaran dan pembelajaran selesai dijalankan melalui penggunaan ‘modul percubaan’. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklum balas terhadap modul pengkaji serta mendapatkan data berkaitan modul tersebut.

Pengkaji memulakan kajian ini dengan pengenalan, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif, batasan, metodologi, hipotesis, tinjauan serta rangka kajian. Seterusnya pengkaji membincangkan tentang teori-teori asas penyediaan modul bahasa

Arab, menganalisis soal selidik yang pertama untuk mengumpul dan mendapatkan maklum balas pelajar terhadap keperluan penyediaan modul yang dicadangkan, membincangkan tentang asas-asas penyediaan “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar UMS”, menganalisis dan menilai dapatan yang diperolehi dari soal selidik yang kedua yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar yang telah mempelajari “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar-Pelajar Universiti Malaysia Sabah”. Tesis ini diakhiri dengan memberikan rumusan dan cadangan.

Akhirnya, pengkaji berharap penyelidikan yang dijalankan ini akan dapat membantu khususnya pelajar-pelajar UMS agar dapat mengikuti dan mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan tanpa sebarang halangan dan tekanan walaupun mereka terdiri dari pelbagai bidang, etnik dan agama. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan dalam penyediaan modul asas bahasa Arab di institusi-institusi pendidikan yang lain di Malaysia. Semoga usaha murni ini mendapat keberkatan dan keredaan Allah s.w.t..... *Āmīn yā Rabba'l 'Ālamīn.*

## **ABSTRACT**

This thesis is primarily focused on a study conducted on “The Preparation and Evaluation of The Basic Arabic Language Module for University Students”. Subjects involved in this research do not cover all students from higher institutions in Malaysia but specifies the research demographic on a selected group of students from Universiti Malaysia Sabah

(UMS). These students do not have the very basic level of Arabic, comes from different academic disciplines in UMS, and they are from various ethnic and religious groups in Malaysia. The module applied for this research experiment was produced by the researcher based on information gathered from survey questionnaires which were distributed to the UMS students prior to developing the proposed module. The survey questions covered the context of students' interest, desire along with their needs to learn the targeted language, content of module and other significant factors for consideration in learning the Arabic language.

This study implemented both library research and fieldwork. With relevance to this paper, library research refers to the collection of information from reference books related to methods of module preparation used by the researcher for designing a basic Arabic language module for UMS students. As this research integrated an experimentation process, fieldwork was executed through the distribution of questionnaires according to two different survey stages. The purpose of the first survey was to collect data on the level of understanding and problems faced while learning the Arabic language among university students and to obtain information on the elements needed to prepare a suitable basic Arabic language module which caters specifically for UMS students. The second level of survey was conducted on the respondents after they were exposed to the teaching and learning process of the 'Trial Module' which was the 'Basic Arabic Language Module for UMS Students' designed by the researcher. This stage of the survey was especially crucial in obtaining direct feedback and other data on the proposed module.

The researcher began the Thesis by highlighting the introduction, research problems, significance of study, research objectives, limitations of the study, methodology, hypotheses, review of literature and research framework. In this thesis, the researcher also discussed: the basic theories on preparing a basic level module for Arabic language; the students' feedback

from the first survey on their needs and necessary factors to be considered in constructing a proposed module; the analysis and evaluation of the second survey results on the group of UMS students who completed the trial course of the 'Basic Arabic Language Module for UMS Students'. The final part of this thesis ended with a summary of the entire study and recommendations from the researcher for future research.

Hence, the researcher aims that this study can help university students specifically from Universiti Malaysia Sabah to follow and learn Arabic easily and effectively without going through various obstacles and pressures of learning a foreign language even though they come from different academic disciplines, ethnics and religions. In addition, it is also hoped that this research can be of an important reference for other educational institutions in Malaysia to prepare a basic module for teaching and learning the Arabic language.

Hopefully, this noble effort will get the blessings *from Allah s.w.t..... Āmīn yā Rabba'l Ālamīn.*